



技术短讯

TECHNICAL BULLETIN

ISSUE 07

2015

GLYPHOSATE

RACUN RUMPAI YANG BERKESAN

Glyphosate merupakan sejenis racun rumput organofosfat yang bertindak secara sistemik. Ia mempunyai spektrum yang luas, destruktif, efektif serta selamat untuk digunakan pada ternakan dan persekitaran kerana ia tidak akan meninggalkan sisa-sisa di dalam tanah.

Dengan ciri-ciri keistimewaan tersebut, Glyphosate telah mencapai jualan 640 ribu tan setahun secara anggaran kasar dan merupakan racun rumput yang terlaris di dalam pasaran dunia. Negara China dan Amerika Syarikat merupakan pengeluar Glyphosate yang terbesar dan telah menghasilkan sebanyak 400 ribu tan dan 240 ribu tan setahun.

Terdapat 2 kaedah untuk menghasilkan Glyphosate, iaitu melalui iminodiacetic acid (IDA) dan glycine. Kaedah IDA adalah cara penghasilan yang lebih mesra alam, tetapi penghasilan melalui glycine adalah lebih efektif dan sering digunakan. Ini adalah kerana kaedah penghasilan melalui Glycine lebih menjimatkan kos dan memberi jaminan kepada bekalan Glyphosate. Racun rumput ini banyak digunakan untuk kawalan rumput bagi tanaman getah, kelapa sawit, tebu, teh dan kayu balak.

Selain daripada pengawalan rumput di dalam kebun, glyphosate juga banyak digunakan di tapak pembajakan seperti kebun, sawah, tepi jalan dan kawasan rekreasi.

Berikut merupakan ciri-ciri kelebihan atau keistimewaan racun rumput Glyphosate:

- Pengawalan yang efektif terhadap pelbagai jenis rumput seperti monokot, dikot, tanaman bermusim, alga, paku-pakis dan sebagainya.
- Glyphosate akan diserap ke dalam sel-sel tumbuhan sehingga ke akar. Biasanya, tindak balas Glyphosate akan bermula dengan rumput menjadi kuning seterusnya perang dan menjadi layu.
- Lebih menjimatkan kos kerana mempunyai tempoh kawalan rumput yang lebih panjang.
- Lebih selamat digunakan kerana mempunyai kadar toksik yang rendah.
- Lebih mesra alam kerana Glyphosate akan bergabung dengan ion logam seperti besi dan aluminium apabila terserap ke dalam tanah. Gabungan ini akan menghilangkan kesan Glyphosate dan tidak akan membawa sebarang kesan buruk terhadap biji benih mahupun mikro-organisma di dalam tanah.

FARMCOCHEM SDN BHD
(193015-K)

CORPORATE HEAD OFFICE

A-05-07, Empire Office, Empire Subang,
Jalan SS 16/1,
SS 16, 47500 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel +603 5022 2283
Fax +603 5022 2263
Email sales@farmcochem.com.my

PRODUCTION CENTRE

20-22, Lengkok Rishah 2,
Kawasan Perindustrian Silibin,
30100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan,
Malaysia
Tel +605 526 6601
Fax +605 526 0727

RUMPUT PAIT (*OTTOCHLOA NODOSA*)



SEBELUM



SELEPAS

LALANG ((*IMPERATA CYLINDRICA*))



SEBELUM



SELEPAS

Walaubagaimanapun, perkara-perkara berikut perlu diambil perhatian semasa penggunaan Glyphosate:

- Gunakan alat penyembur tekanan yang rendah atau pemercik dengan penutup untuk mengelakkan tempiasan.
- Gunakan air yang bersih semasa campuran supaya kesan racun rumpai tidak terjejas.
- Semburan harus dibuat pada cuaca yang cerah, kering serta pada suhu yang tinggi. Taburan hujan 4-8 jam selepas semburan akan menjejaskan kesan Glyphosate terhadap rumpai.
- Gunakan bekas plastik untuk penyimpanan kerana glyphosate bersifat asid dan akan menghakiskan permukaan logam.
- Penggunaan bersama racun rumpai lain tidak digalakkan kerana ia akan menjejaskan kesan Glyphosate terhadap rumpai.
- Alat penyemburan harus dibersihkan sekurang-kurangnya 3 kali selepas penggunaan. Air yang digunakan semasa pembersihan tidak boleh dibiarkan untuk mengalir ke dalam kolam, sungai ataupun aliran air yang lain kerana ia akan mencemari sumber air tersebut. Selain itu, sisa-sisa dan bekas yang ingin dibuang juga harus dikendalikan dengan cermat dan bertanggungjawab.

Kesimpulanya, penggunaan Glyphosate dengan cara yang betul adalah penting untuk memastikan pengawalan rumpai yang efektif dan berkesan.

[illegible]